

PROGRAM JIWA MURNI MATRA 4

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4778-program-jiwa-murni-matra-4

KUANTAN, 6 Apr 19 – Materiel Udara 4 (MATRA 4) telah melaksanakan Program Jiwa Murni dengan menganjurkan Pesta Makanan dan Jualan Amal bersama *The National Autism Society of Malaysia* (NASOM) cawangan Kuantan, sebuah pertubuhan bukan kerajaan berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Program ini bertujuan untuk mengumpulkan dana bagi NASOM dan memberikan kesedaran kepada orang ramai terhadap *autism*.

Program yang diadakan di Taman Gelora, Kuantan telah berlangsung dari 8.30 pagi hingga 4 petang dengan pengisian pelbagai aktiviti seperti aerobik, pertandingan mewarna, kuiz, cabutan bertuah, pemeriksaan kesihatan dan pelbagai permainan. Pelbagai makanan dan barangan terpakai turut dijual di gerai-gerai yang disediakan di mana semua hasil jualan akan diserahkan kepada NASOM.

Program ini turut dihadiri oleh Ketua MATRA 4 iaitu Mej Mohd Nazam bin Yunus TUDM yang turut merasmikan acara tersebut bersama-sama Penasihat dan Pengerusi NASOM Kuantan. Program ini telah dihadiri oleh kira-kira 1000 orang masyarakat setempat.



